

07 AUG 2002

Muhyiddin-Singapura

KOS PROSES NEWATER JADI ASAS SINGAPURA RUNDING HARGA AIR

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Singapura bercadang menggunakan kos bagi memproses air yang dikitar semula, NEWater, sebagai asas penentuan harga baru air semasa rundingan bersama Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu dinyatakan kepadanya oleh Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dalam pertemuan di republik itu Isnin lepas.

"Dia (Singapura) cadang guna harga memproses air NEWater sebagai asas penentuan harga air yang hendak ditawarkan kepada Malaysia, tetapi saya fikir kita ada cara lain," katanya di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai pertemuannya dengan Goh yang turut memaklumkan cadangan republik itu untuk tidak memperbaharui Perjanjian Air 1961 selepas ia luput pada 2011.

NEWater ialah satu sumber alternatif baru air bagi Singapura, yang diperolehi dengan merawat air yang telah digunakan.

Loji air NEWater Bedok dan Kranji di republik itu akan mula beroperasi tahun depan manakala loji NEWater di Seletar dan Ulu Pandan sedia digunakan menjelang 2011.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Singapura boleh menghentikan pembelian air dari Malaysia dengan serta merta tanpa perlu menunggu sehingga luput tempoh perjanjian pada 2011 kerana penjualan air itu tidak membawa keuntungan kepada Malaysia walaupun harganya dinaikkan.

Pada Isnin lepas (5 April) Goh berkata, negara itu mahu mengurangkan pergantungan kepada Malaysia bagi mendapatkan sumber air kerana berpendapat tidak wajar kedua-dua negara sering bertikai terhadap isu itu.

Muhyiddin berkata, beliau melaporkan beberapa perkara mengenai lawatannya ke republik itu termasuk berhubung isu air kepada mesyuarat Kabinet hari ini.

Tujuan asal lawatannya ke Singapura adalah berkaitan dengan hal-hal Kementerian beliau sahaja tetapi Goh menyatakan hasrat bertemu dengannya.

Muhyiddin percaya kenyataan pemimpin Singapura itu untuk tidak memperbaharui Perjanjian Air 1961 hanyalah sebagai taktik sahaja menjelang rundingan antara kedua-dua negara mengenai isu itu pada 2 dan 3 Sept depan.

Pemimpin negara itu sebelum ini kerap bertanyakan termasuk ketika beliau menjadi Menteri Besar Johor, bila Singapura boleh mendapatkan lebih banyak air daripada Malaysia.

Tetapi, katanya, ini kali pertama pemimpin Singapura menyatakan hasrat tidak lagi mahu mendapatkan bekalan air daripada negara ini.

"Semua ini taktiklah, saya fikir kerana harga air masih dirunding," katanya.

-- BERNAMA

RZS AHH PR